




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ISSN 0127-9491



9 770127 949001



INDEKS HARGA PENGGUNA *CONSUMER PRICE INDEX*

MAC
MARCH
2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA *CONSUMER PRICE INDEX* (2010 = 100)

Pemakluman / Announcement:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram	:	StatsMalaysia
Emel/ Email	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ <i>data request & enquiries</i>)

Harga/ *Price* : RM10.00

Diterbitkan pada April 2022/ *Published on April 2022*

Hakcipta terpelihara/ All rights reserved

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following.

“Source : Department of Statistics, Malaysia.”

ISSN 0127 - 9491

KATA PENGANTAR

Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP), Malaysia merupakan penerbitan bulanan yang memaparkan statistik meliputi 12 kumpulan utama barang dan perkhidmatan. Ini selaras dengan klasifikasi yang berpandukan kepada United Nations "*Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*". IHP disusun berdasarkan pungutan harga pengguna yang dilaksanakan setiap bulan bagi kesemua item dan bagi barang makanan mudah rosak dipungut setiap minggu. Bagi sewa rumah, harga dipungut secara suku tahunan.

IHP telah disusun buat kali pertama dengan menggunakan tahun 1967 sebagai tahun asas ($1967 = 100$). Selepas itu, ia telah diasaskan semula kepada tahun 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 dan kini masih 2010 sebagai "tempoh rujukan indeks" dengan 2016 sebagai "tempoh rujukan wajaran" yang dinyatakan pada harga Disember 2017. Objektif utama IHP adalah untuk mengukur perubahan kos pembelian oleh isi rumah mengikut masa bagi 'bakul' tetap barang dan perkhidmatan.

Ringkasan penemuan dan graf indeks dipaparkan pada bahagian pertama, manakala jadual-jadual terperinci indeks dimuatkan pada bahagian kedua penerbitan ini. Sementara itu, nota teknikal berkaitan dengan skop dan liputan, konsep dan definisi serta kaedah pengiraan yang digunakan turut dimuatkan di bahagian terakhir dalam penerbitan ini bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

April 2022



PREFACE

The publication of Consumer Price Index (CPI), Malaysia is a monthly publication which presents statistics covering 12 main groups of goods and services. This is consistent with the classification according to the United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)". CPI is compiled based on the prices that are collected on a monthly basis for all items and for the perishable food items where the collection is done on weekly basis. Rents are collected once in a quarter.

The CPI was compiled for the first time using 1967 as the base year (1967=100). Subsequently, it has been rebased to 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 and now still 2010 as the "index reference period" with 2016 as "weight reference period" which expressed in December 2017. The main objective of CPI is to measure the rate of change in the cost of purchasing a constant 'basket' of goods and services by households in a specified time period.

The summary findings and graphs are highlighted in the first part, while tables on detailed indices in the second part of this publication. Meanwhile, the technical notes related to the scope and coverage, concepts and definitions and calculation methods used are also included in the last part of this publication to assist users to understand the published statistics.

The Department expressed gratitude to those who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestions towards improving future publication is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia



April 2022





RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



INDEKS HARGA PENGGUNA


Tahun ke Tahun

2.2%

Bulan ke Bulan

0.3%

MAC 2022



BANDAR

2.3%

2.4%



LUAR BANDAR

1.8%

1.9%



INFLASI TERAS

2.0%

1.8%

2.0%

1.9%



INFLASI TANPA BAHAN API

2.0%

1.9%



CONSUMER PRICE INDEX


Year-on-Year

2.2%

Month-on-Month

0.3%

MARCH 2022





2.3%

2.4%

1.8%

1.9%



Inflasi negara pada Mac 2022 kekal 2.2 peratus


Harga makanan seperti sayur-sayuran, daging dan ikan meningkat semenjak beberapa bulan yang lalu berikutan kesan langsung daripada kekurangan bekalan, faktor cuaca serta kenaikan harga makanan ternakan. Ia sekali lagi memberi tekanan kepada inflasi makanan. Menjadi penyumbang terbesar kepada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna, ia juga menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi negara.

Bagi memastikan kestabilan harga ayam dan telur, kerajaan telah menetapkan harga siling runcit bagi ayam standard dan telur gred A, B dan C bermula 5 Februari sehingga 5 Jun 2022. Pemberian subsidi kepada penternak ayam sebanyak 60 sen per kilogram dan lima sen sebiji untuk semua jenis kategori telur ayam. Tujuan subsidi ini adalah untuk meringankan beban penternak susulan peningkatan kos bahan terutamanya kos makanan ternakan yang meliputi 70 peratus daripada kos pengeluaran selain kos logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan.

Inflasi negara pada Mac 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.6 berbanding 122.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Namun begitu, kenaikan ini adalah melepas purata inflasi negara Malaysia bagi tempoh 2011 hingga Mac 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.0%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan inflasi makanan pada kali ini sedikit sebanyak disumbangkan oleh subkumpulan Sayur-sayuran. Peningkatan harga sayur-sayuran ini adalah disebabkan oleh kenaikan global harga racun dan baja. Konflik antara Russia dan Ukraine dijangka memburukkan keadaan dengan mengakibatkan peningkatan harga baja sekaligus kos pengeluaran.

Carta 1

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Mac 2022




Dalam masa yang sama, Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah meningkat 3.0 peratus. Ini diikuti oleh Restoran & Hotel (2.9%); Pengangkutan (2.6%), Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.9%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.1%). Kedua-kedua Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api lain dan Pendidikan masing-masing mencatatkan peningkatan 0.9 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan masing-masing mencatatkan peningkatan marginal 0.5 peratus dan 0.2 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.3 peratus berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Kesan asas penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 (RM2.05 seliter) dan Diesel (RM2.15 seliter) yang bermula Mac 2021 berakhir pada Februari 2022 mendorong kepada peningkatan sederhana Pengangkutan. Namun begitu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 mencatatkan kenaikan harga tertinggi RM3.73 seliter berbanding RM2.42 seliter pada bulan yang sama tahun lalu. Harga minyak mentah Brent juga mencatatkan peningkatan sebanyak 77.3 peratus kepada \$AS115.59 setong pada Mac 2022. Kenaikan harga minyak global ini adalah ekoran pencerobohan di Ukraine oleh Russia.

Carta 2

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Mac 2022



Sementara itu, IHP bagi suku tahun pertama 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahunan pula, IHP meningkat dengan kadar perlahan 0.9 peratus berbanding suku tahun keempat 2021 (1.2%). Prestasi suku tahun pertama 2022 masih dipengaruhi oleh penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel serta peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam 2021.

Perbandingan bulanan, IHP meningkat 0.3 peratus berbanding Februari 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan Pengangkutan (1.1%) dan Pelbagai Barang & Perkhidmatan (0.6%). Kedua-kedua Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Restoran & Hotel masing-masing mencatatkan peningkatan 0.4 peratus, manakala Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Minuman Alkohol & Tembakau mencatatkan peningkatan marginal 0.3 peratus dan 0.2 peratus.


Inflasi kumpulan utama terus meningkat

Makanan & Minuman Bukan Alkohol

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang menjadi komponen terbesar perbelanjaan isi rumah menunjukkan peningkatan berbanding bulan sebelumnya. Kumpulan ini menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP. Inflasi kumpulan ini meningkat 4.0 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan bagi kumpulan ini sebahagian besarnya berpunca dari kenaikan ketara komponen Makanan di luar rumah yang meningkat 4.0 peratus berbanding 3.6 peratus yang dicatatkan pada bulan Februari 2022. Ini diikuti oleh peningkatan Makanan di rumah (4.3%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Carta 3

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Mac 2015 – Mac 2022



Kesemua subkumpulan bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan. Subkumpulan Daging terus menjadi penyumbang utama dalam kenaikan kumpulan ini dengan peningkatan sebanyak 7.6 peratus. Namun begitu, peningkatan ini adalah lebih perlahan berbanding Februari 2022 (9.0%). Ini diikuti oleh kenaikan Susu, keju & telur (7.0%); Sayur-sayuran (5.1%); Ikan & makanan laut (4.1%); Minyak & lemak (3.4%) dan Keluaran makanan tidak terkelas di tempat lain (3.0%).

Jadual 1

Inflasi bagi Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks		Perubahan Peratus	
		Mac 2022	Mac 2022 / Feb 2022	Mac 2022 / Mac 2021	
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	141.6	0.3	4.0	
Makanan	28.4	142.9	0.3	4.2	
Makanan di Rumah	16.9	138.6	0.1	4.3	
Beras, roti & bijirin lain	3.5	114.5	0.3	2.2	
Daging	2.5	136.9	0.4	7.6	
Ikan & makanan laut	4.0	162.8	0.1	4.1	
Susu, keju & telur	1.5	133.1	0.5	7.0	
Minyak & lemak	0.6	126.4	0.2	3.4	
Buah-buahan	1.2	137.8	-0.2	1.5	
Sayur-sayuran	2.1	148.6	-0.5	5.1	
Gula, jem, madu, coklat & manisan	0.6	137.0	0.0	2.0	
Keluaran makanan t.t.l.	1.0	142.0	0.5	3.0	
Makanan di luar rumah	11.5	149.7	0.5	4.0	
Kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol	1.1	114.3	0.4	1.0	

Antara indeks subkumpulan Sayur-sayuran yang menunjukkan kenaikan harga tahun ke tahun di kebanyakan negeri adalah Bayam Hijau (24.1%) dengan purata harga RM5.63 per kilogram pada Mac 2022 (Mac 2021: RM4.56), Salad (22.2%) dengan purata harga RM8.67 per kilogram pada Mac 2022 (Mac 2021: RM6.69), Kangkong (21.5%) dengan purata harga RM5.35 per kilogram pada Mac 2022 (Mac 2021: RM4.32) dan Kacang buncis (21.4%) dengan purata harga RM12.29 per kilogram pada Mac 2022 (Mac 2021: RM9.64).

Ikan yang turut menjadi sumber protein popular di kalangan isi rumah Malaysia terutama B40, turut mencatatkan kenaikan harga. Pada Mac 2022, harga purata Ikan pelaling meningkat kepada RM14.63 (Mac 2021: RM11.56), Ikan keli RM10.22 (Mac 2021: RM8.86) dan Ikan siakap RM20.33 (Mac 2021: RM17.95). Sementara itu, antara makanan yang menyumbang kepada peningkatan indeks subkumpulan Makanan di luar rumah adalah Nasi berlauk (6.6%), Sate (6.6%) dan Murtabak (6.2%).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Jadual 2

Inflasi bagi Subkumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus	
		Mac 2022	Mac 2022 / Feb 2022	Mac 2022 / Mac 2021
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8	122.7	0.1	0.9
Sewa sebenar untuk rumah	18.1	128.4	0.0	0.8
Penyelenggaraan & pembakaian rumah kediaman	1.3	132.7	0.5	4.1
Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman	1.2	104.9	0.0	0.0
Elektrik, gas & bahan api	3.2	98.0	0.0	0.0

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 0.9 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh subkumpulan Penyelenggaraan & pembakaian rumah kediaman yang meningkat 4.1 peratus yang didorong oleh kenaikan paip PVC (28.9%) dan Pertukangan (12.4%). Sewa sebenar untuk rumah meningkat 0.8 peratus berbanding Mac 2021.

Pengangkutan

Jadual 3

Inflasi bagi Subkumpulan Pengangkutan

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus	
		Mac 2022	Mac 2022 / Feb 2022	Mac 2022 / Mac 2021
Pengangkutan	14.6	117.2	1.1	2.6
Pembelian kenderaan	1.5	94.7	-0.1	-0.2
Pengurusan alat pengangkutan persendirian	12.3	122.7	1.3	4.4
Perkhidmatan pengangkutan	0.8	104.9	1.2	-15.2

Inflasi Pengangkutan pula menunjukkan peningkatan yang lebih sederhana iaitu 2.6 peratus pada Mac 2022 berbanding 3.9 peratus pada Februari 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian (4.4%). Namun begitu, penurunan subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (-15.2%) dan Pembelian kenderaan (-0.2%) telah meredakan inflasi kumpulan ini.

Jadual 4**Purata Harga Bahan Api, Mac 2021 – Mac 2022**

Tahun	Bulan	Petrol Tanpa Plumbum RON97	Petrol Tanpa Plumbum RON95	Diesel
2021	Mac	2.42	2.05	2.15
	Apr	2.55	2.05	2.15
	Mei	2.60	2.05	2.15
	Jun	2.65	2.05	2.15
	Jul	2.72	2.05	2.15
	Ogos	2.74	2.05	2.15
	Sep	2.73	2.05	2.15
	Okt	2.84	2.05	2.15
	Nov	3.06	2.05	2.15
	Dis	3.00	2.05	2.15
	2022	Jan	3.06	2.15
	Feb	3.21	2.05	2.15
	Mac	3.73	2.05	2.15

Purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 menunjukkan peningkatan pada Mac 2022 iaitu RM3.73 per liter berbanding RM2.42 pada Mac 2021. Sementara itu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel pada Mac 2022 telah berada pada paras harga siling yang telah ditetapkan oleh kerajaan pada Mac 2021.

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah**Jadual 5****Inflasi bagi Subkumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah**

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus	
		Mac 2022	Mac 2022 / Feb 2022	Mac 2022 / Mac 2021
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	121.5	0.4	3.0
Perabot, hiasan, permaidani & penutup lantai lain	1.2	128.4	0.6	7.9
Kain untuk hiasan rumah	0.2	92.4	0.3	0.5
Perkakas isi rumah	0.7	108.8	0.3	1.9
Barang kaca, alat makan & perkakas isi rumah	0.1	108.6	0.0	0.6
Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun	0.0	111.9	0.1	2.1
Barangan & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah	1.9	126.0	0.2	0.6

Inflasi bagi Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat kepada 3.0 peratus pada Mac 2022 dengan semua subkumpulan menunjukkan peningkatan. Subkumpulan Perabot, hiasan, permaidani & penutup lantai lain (7.9%) merupakan penyumbang utama dalam kenaikan kumpulan ini. Ini diikuti oleh Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun (2.1%) dan Perkakas isi rumah (1.9%). Bagi Barang kaca, alat makan & perkakas isi rumah dan Barang & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah masing-masing mencatatkan peningkatan marginal 0.6 peratus. Manakala, Kain untuk hiasan rumah pula meningkat 0.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Jadual 5**).

Restoran & Hotel

Jadual 6

Inflasi bagi Subkumpulan Restoran & Hotel

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks		Perubahan Peratus
		Mac 2022	Mac 2022 / Feb 2022	Mac 2022 / Mac 2021
Restoran & Hotel	2.9	136.4	0.4	2.9
Perbelanjaan di restoran & kafe	2.3	142.0	0.4	3.3
Perkhidmatan penginapan	0.6	101.1	0.5	1.3

Inflasi Restoran & Hotel juga meningkat 2.9 peratus kepada 136.4 pada bulan Mac 2022 berbanding Mac 2021. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan subkumpulan Perbelanjaan di restoran & kafe (3.3%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan Minuman bermalt (4.5%) dan Jus buah-buahan (4.0%). Perkhidmatan penginapan turut meningkat 1.3 peratus pada Mac 2022 berbanding Mac 2021.


Pelbagai pilihan barang meredakan inflasi

Pada Mac 2022, daripada 552 item, terdapat 408 item merekodkan kenaikan harga. Sementara itu, 82 item menunjukkan penurunan dan 62 item kekal tidak berubah. Ini secara tidak langsung dapat membantu meredakan tekanan inflasi. Antara barang yang menunjukkan penurunan harga adalah Halia (-16.7%), Tomato (-11.1%) dan Yuran rekreasi (-6.6%), manakala Surat khabar, Rokok dan Bil air kekal tidak berubah. **Carta 4** menunjukkan perubahan inflasi bagi setiap barang mengikut kategori barang dan perkhidmatan.


Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran

Februari 2022




Mac 2022



Inflasi mengikut negeri

Carta 5

Inflasi mengikut Negeri, Mac 2022



Pada Mac 2022, kesemua negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi di mana dua negeri menunjukkan peningkatan melepas inflasi nasional 2.2 peratus. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%). Sementara itu, Sarawak (1.7%), Negeri Sembilan (1.6%) dan Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.3%) merupakan tiga negeri yang mempunyai peningkatan IHP yang paling rendah.

Peningkatan inflasi di Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya disumbangkan terutamanya oleh inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.4%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (4.5%) dan Pengangkutan (3.8%). Dari aspek penggunaan, ketiga-tiga kumpulan ini menyumbang sebanyak 45.6 peratus kepada perbelanjaan Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Di Sarawak, peningkatan inflasi 1.7 peratus adalah sebahagian besarnya disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.9%). Ini disebabkan oleh peningkatan perlahaan bagi subkumpulan Daging (4.9%) dan Susu, keju & telur (3.5%) berbanding negeri yang lain.

Pada masa yang sama, Negeri Sembilan merekodkan 1.6 peratus, di bawah paras inflasi nasional. Ini disebabkan oleh peningkatan yang lebih perlahan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.3%) dan Pengangkutan (1.0%).


Seperti di Sarawak, kenaikan sederhana inflasi di Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.3%) juga disebabkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.5%). Ini berikutan kenaikan bagi subkumpulan Daging (3.8%); Susu, keju & telur (2.6%) dan Ikan & makanan laut (1.3%).

Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.4%) diikuti oleh Pulau Pinang (4.3%), Johor (4.2%), Perak (4.1%) dan Terengganu (4.1%). Peningkatan yang berlaku adalah disebabkan oleh kenaikan harga Makanan di luar rumah pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 4.0 peratus pada Mac 2022.

Inflasi bagi Bandar dan Luar Bandar

Pada Mac 2022, inflasi Bandar meningkat 2.3 peratus kepada 126.3 berbanding 123.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan inflasi Bandar menunjukkan peningkatan 0.3 peratus berbanding Februari 2022. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.2%). Sumbangan tertinggi bagi kumpulan ini adalah disumbangkan oleh subkumpulan Daging (8.4%); Susu, keju & telur (7.4%) dan Sayur-sayuran (5.3%).


Inflasi Luar bandar meningkat 1.8 peratus kepada 122.3 berbanding 120.1 pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, inflasi Luar Bandar pada Mac 2022 kekal 0.2 peratus. Peningkatan bagi kawasan Luar bandar dipengaruhi oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.3%) (**Carta 6**).

Carta 6**Inflasi bagi Bandar dan Luar Bandar, Mac 2020 – Mac 2022**

Inflasi Pendapatan Bawah RM 3,000 meningkat pada kadar yang sama seperti Inflasi Keseluruhan


Inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat 2.2 peratus daripada 123.5 peratus pada Mac 2021 kepada 126.2 peratus pada Mac 2022. Peningkatan ini disumbang oleh Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol 4.2 peratus, 0.2 mata peratus lebih tinggi daripada kumpulan yang sama dalam inflasi keseluruhan. Peningkatan adalah daripada subkumpulan Susu, keju & telur (7.7%) diikuti oleh Daging (7.5%); Minyak & lemak (4.9%) dan Sayur-sayuran (4.5%).

Inflasi Restoran & Hotel juga meningkat 3.1 peratus diikuti inflasi Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah meningkat (2.4%) dan inflasi Pengangkutan (1.8%).

Carta 7**Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Kurang daripada RM3,000, Mac 2020 – Mac 2022**

Carta 8


Inflasi Makanan Terpilih bagi Pendapatan Isi Rumah Kurang daripada RM3,000, Mac 2020 - Mac 2022




Inflasi Teras

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan. Inflasi teras telah mencatatkan peningkatan 2.0 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Pengangkutan iaitu 3.9 peratus.

Selain itu, kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol turut mencatatkan kenaikan 3.5 peratus, diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.0%); Restoran & Hotel (2.9%); Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.9%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.1%) (**Carta 9**).

Carta 9**Indeks Teras, Mac 2020 – Mac 2022****Inflasi Tanpa Bahan Api**

Inflasi tanpa bahan api meningkat 2.0 peratus pada Mac 2022 kepada 116.0 berbanding 113.7 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Inflasi tanpa bahan api meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel.

Carta 10**Inflasi Tanpa Bahan Api, Mac 2020 – Mac 2022**

Inflasi mengikut Negara Terpilih

Kadar inflasi Zon Euro meningkat lebih tinggi pada Mac 2022 iaitu 7.5 peratus berbanding Februari 2022 (5.9%), melepas jangkaan pasaran iaitu 6.6 peratus dan 3 kali lebih tinggi daripada sasaran *European Central Bank* (2.2%). Ini didorong oleh peningkatan 44.7 peratus dalam Tenaga, diikuti oleh Makanan, alkohol & tembakau (5.0%), Barang perindustrian bukan tenaga (3.4%) dan Perkhidmatan (2.7%).

Kadar inflasi di Amerika Syarikat meningkat kepada 8.5 peratus pada Mac 2022, inflasi tertinggi sejak Disember 1981. Harga tenaga meningkat 32.0 peratus, disumbang oleh petrol (48.0%) dan bahan api (70.1%) disebabkan oleh pencerobohan Rusia ke atas Ukraine telah melonjakkan harga minyak mentah lebih tinggi.

Perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (2.2%) adalah lebih rendah daripada inflasi di Republik Korea, Filipina dan Thailand. Inflasi di Republik Korea meningkat 4.1 peratus pada Mac 2022, meningkat dengan kadar yang laju dalam tempoh lebih sedekad. Ini disebabkan oleh kenaikan harga tenaga dan komoditi berikutan krisis di Ukraine. Kos Petroleum menunjukkan peningkatan sebanyak 31.2 peratus manakala Elektrik, gas & air meningkat 2.9 peratus; Sewa rumah (2.0%) dan Makan di luar rumah (6.6%).

Inflasi Filipina meningkat pada kadar 4.0 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan kumpulan Pengangkutan (10.3%); Perumahan, air, elektrik, gas, & bahan Api Lain (6.2%) dan Makanan & minuman bukan alkohol (2.6%).


Inflasi Thailand pula meningkat 5.7 peratus pada Mac 2022 (Februari 2022: 5.3%) melepas jangkaan pasaran pada 5.6 peratus dan tertinggi sejak September 2008. Harga Makanan meningkat 4.6 peratus, selepas kenaikan 4.5 peratus pada Februari 2022. Ini disumbang oleh Daging dan Perasa. Tambahan pula, inflasi Pengangkutan meningkat 11.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh Kenderaan dan operasi kenderaan.

Di Indonesia, inflasi merekodkan peningkatan 2.6 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Inflasi ini berada dalam julat sasaran Bank Indonesia antara 2.0 ke 4.0 peratus. Peningkatan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (3.8%); Makanan, minuman & tembakau (3.6%); Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman/ restoran (3.1%); Pengangkutan (2.4%); Pakaian (2.0%) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.8%) merupakan penyumbang utama kepada kenaikan ini.

Sementara itu, kadar inflasi di Malaysia dilihat lebih tinggi berbanding China yang meningkat 1.5 peratus pada Mac 2022 (Februari 2022: 0.9%) dan berada paras melebihi jangkaan pasaran 1.2 peratus. Peningkatan inflasi bagi Bukan makanan disumbangkan oleh Pengangkutan & komunikasi (5.8%); Pendidikan, kebudayaan & hiburan (2.6%) dan Barang & perkhidmatan isi rumah (2.2%). Harga Makanan menurun semenjak Disember lalu berikutan sedikit penurunan bagi kos daging babi.

Carta 11

Inflasi bagi Negara Terpilih, Mac 2020 – Mac 2022



Purata Harga Item Makanan dan Bukan Makanan

Jadual 7

Bilangan Item yang Mengalami Kenaikan Purata Harga

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item			
	Februari 2022		Mac 2022	
	Makanan	Bukan makanan	Makanan	Bukan makanan
≤ 10 %	235	270	234	283
> 10 %	70	60	73	53
Jumlah	305	330	307	336

Sejumlah 833 item barang dan perkhidmatan dikutip setiap bulan untuk pengiraan IHP. Item-item ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Makanan dan Bukan makanan. **Jadual 7** menunjukkan bilangan item yang mengalami kenaikan purata harga untuk Makanan dan Bukan makanan pada Mac 2022 berbanding bulan sebelumnya. Pada Mac 2022, 307 item Makanan merekodkan kenaikan purata harga berbanding 305 item Makanan sebelum ini. Terdapat 73 item Makanan yang mencatatkan peningkatan lebih daripada 10 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Kebanyakan item Makanan yang mencatatkan peningkatan adalah yang berkaitan dengan penyediaan Makanan di rumah seperti Sawi, Kailan, Ayam, dan Ikan pelaling.

Bagi barang Bukan makanan, 53 item mencatatkan peningkatan purata harga lebih 10 peratus seperti Meja makan, Bayaran pusat bowling dan Barang kemas.

Jadual 8

Bilangan Item yang Mengalami Penurunan Purata Harga

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item			
	Februari 2022		Mac 2022	
	Makanan	Bukan Makanan	Makanan	Bukan makanan
≥ -10 %	15	88	18	74
< -10 %	9	9	7	11
Jumlah	24	97	25	85

Jadual 8 menunjukkan purata harga bagi 25 item Makanan yang mencatatkan penurunan pada Mac 2022 berbanding Mac 2021. Tujuh item Makanan menunjukkan penurunan purata harga lebih daripada 10 peratus iaitu Ikan parang, Tomato dan Ikan bilis. Terdapat 18 item Makanan

yang mencatatkan penurunan purata harga kurang daripada 10 peratus. Antaranya adalah Limau nipis, Tembikai dan Cili padi.

Bagi item Bukan makanan pula, purata harga bagi 11 item menunjukkan penurunan lebih daripada 10 peratus pada Mac 2022 jika dibandingkan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara barang tersebut ialah Pelitup muka dan Telefon bimbit.

Jadual 9

Bilangan item yang Tiada Perubahan Harga Purata

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item	
	Februari 2022	Mac 2022
Tiada Perubahan	77	80

Di sebalik penurunan dan kenaikan harga purata bagi item-item ini, terdapat juga item yang tidak mengalami sebarang perubahan harga pada Mac 2022 berbanding Mac 2021. Selain daripada item yang dikawal oleh kerajaan. Item yang tidak mengalami perubahan adalah Bayaran tol, Majalah dan Langganan Astro.

Jadual 10

Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Pelarasan Musim dan Indeks Teras mengikut Kumpulan Utama

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks	INDEKS KESELURUHAN			INDEKS PELARASAN MUSIM		INDEKS TERAS	
			Perubahan Peratus	Indeks	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	Wajaran Indeks Teras	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun		
		Mac 2022	Mac 2022/Feb 2022	Mac 2022/Mac 2021	Jan - Mac 2022/2021	Mac 2022	Mac 2022/Feb 2022		Mac 2022/Mac 2021
Jumlah		100.0	125.6	0.3	2.2	2.2	125.6	0.6	100.0
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	141.6	0.3	4.0	3.8	141.6	0.9	26.5	3.5
Minuman Alkohol & Tembakau	2.4	169.8	0.2	0.5	0.4	169.8	0.2	-	-
Pakaian & Kasut	3.2	93.0	-0.1	-0.3	-0.3	93.0	0.0	4.5	-0.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8	122.7	0.1	0.9	0.8	122.2	0.2	26.5	0.9
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	121.5	0.4	3.0	3.1	121.5	0.7	5.5	3.0
Kesihatan	1.9	124.8	-0.2	0.2	0.3	124.8	0.0	2.6	0.2
Pengangkutan	14.6	117.2	1.1	2.6	4.2	117.2	1.3	6.5	3.9
Komunikasi	4.8	97.5	0.0	0.0	0.0	97.5	0.0	6.5	0.0
Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	4.8	114.1	-0.2	1.1	1.3	114.1	0.3	6.6	1.1
Pendidikan	1.3	122.0	0.1	0.9	0.7	121.8	0.1	1.8	0.9
Restoran & Hotel	2.9	136.4	0.4	2.9	2.5	136.4	0.8	3.9	2.9
Pelbagai Barang & Perkhidmatan	6.7	118.4	0.6	1.9	1.2	118.4	0.8	9.1	1.9
Bukan Makanan	70.5	117.4	0.3	1.3	1.4	-	-	-	-

National inflation in March 2022 remained at 2.2 per cent

Food prices such as vegetables, meat and fish has been rising for the past few months is due to the direct impact of supply shortages, weather factor as well as rising animal feed prices. Once again, putting pressure on food inflation. Being the largest contributor to the overall weight of Consumer Price Index, it continues to be a major contributor to the increase in inflation.

To ensure the stability of chicken and egg prices, the government has set a retail ceiling price for standard chickens and grades A, B and C eggs from 5th February to 5th June 2022. The subsidies given to poultry farmers at 60 cents per kilogram and five cents each for all types of chicken egg categories. The purpose of the subsidy is to chase the burden of farmers due to the increase in material costs especially the cost of feed which covers 70 per cent of production costs apart from the cost of logistics, labor, utilities and medicines.

National inflation in March 2022 increased 2.2 per cent to 125.6 as against 122.9 in the same month of the preceding year. Nevertheless, the increase also surpassed the average inflation in Malaysia for the period 2011 to March 2022 (1.9%). The incline in headline inflation was mainly driven by the increase in Food & Non-Alcoholic Beverages (4.0%) as compared to the same month of the preceding year. The incline in food inflation to a certain extent is contributed by the subgroup of Vegetables. The increase in price of vegetables is attributed to the increase in the global price of pesticides and fertilisers. The conflict between Russia and Ukraine will further exacerbate the increase in fertiliser price, hence production cost.

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - March 2022




In the meantime, Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance increased 3.0 per cent. This was followed by Restaurants & Hotels (2.9%); Transport (2.6%), Miscellaneous Goods & Services (1.9%) and Recreation Services & Culture (1.1%). Both Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels and Education registered an increase of 0.9 per cent respectively, while Alcoholic Beverages & Tobacco and Health increased marginally by 0.5 per cent and 0.2 per cent respectively. Communication remained unchanged, while Clothing & Footwear declined 0.3 per cent as compared to the same month of the preceding year.

The base effect of the ceiling price for Unleaded Petrol RON95 (RM2.05 per litre) and Diesel (RM2.15 per litre) which started in March 2021 ended in February 2022 led to a moderate increase in Transport. However, the average price of Unleaded Petrol RON97 recorded the highest increase of RM3.73 per litre from RM2.42 per litre in the same month last year. Brent crude oil prices also increased by 77.3 per cent to \$US115.59 per barrel in March 2022. The increase in global oil prices was due to the invasion of Ukraine by Russia.

Chart 2

Inflation by Main Group, March 2022



Meanwhile, the CPI for the first quarter of 2022 inclined 2.2 per cent to 125.2 as compared to 122.5 in the same quarter of the preceding year. On a quarterly basis, CPI grew the slower rate of 0.9 per cent as compared to the fourth quarter of 2021 (1.2%). The performance of first quarter 2022 is still influenced by the ceiling price of Unleaded Petrol RON95 and Diesel as well as the rise of chicken prices above the 2021 average price.

On a monthly basis, the CPI increased 0.3 per cent as compared to February 2022. The increase was attributed by Transport (1.1%) and Miscellaneous Goods & Services (0.6%). Both Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance and Restaurants & Hotels registered an increase of 0.4 per cent respectively, while Food & Non-Alcoholic Beverages and Alcoholic Beverages & Tobacco increased marginally by 0.3 per cent and 0.2 per cent respectively.


Inflation of main group continued to increase

Food & Non-Alcoholic Beverages

Food & Non-Alcoholic Beverages which are the largest component of household spending showed a significant increase as compared to the previous month. This group contributes 29.5 per cent of CPI weight. The inflation of this group increased 4.0 per cent in March 2022 as compared to the same month of the preceding year. The increase for this group was largely due to an increase in the component for Food away from home which inclined 4.0 per cent as compared to 3.6 per cent recorded in February 2022. This was followed by the increase for Food at home (4.3%) as compared to the same month of the previous year.

Chart 3

Inflation for Food & Non-Alcoholic Beverages, March 2015 – March 2022



All subgroups in Food & Non-Alcoholic Beverages recorded increases. The subgroup of Meat continued to be the main contributor to the increase of this group with an increase of 7.6 per cent. Nevertheless, this increase is slower than February 2022 (9.0%). This was followed by the increase in Milk, cheese & eggs (7.0%); Vegetables (5.1%); Fish & seafood (4.1%); Oils & fats (3.4%) and Food product not elsewhere classified (3.0%).

Table 1

Inflation for Subgroup Food & Non-Alcoholic Beverages

Main Group	Weight	Index	Percentage Change	
		Mar 2022	Mar 2022 / Feb 2021	Mar 2022 / Mar 2021
Food & Non-Alcoholic Beverages	29.5	141.6	0.3	4.0
Food	28.4	142.9	0.3	4.2
<i>Food at home</i>	16.9	138.6	0.1	4.3
Rice bread & other cereals	3.5	114.5	0.3	2.2
Meat	2.5	136.9	0.4	7.6
Fish & seafood	4.0	162.8	0.1	4.1
Milk, cheese & eggs	1.5	133.1	0.5	7.0
Oils & fats	0.6	126.4	0.2	3.4
Fruits	1.2	137.8	-0.2	1.5
Vegetables	2.1	148.6	-0.5	5.1
Sugar, jam, honey, chocolate & confectionery	0.6	137.0	0.0	2.0
Food products n.e.c	1.0	142.0	0.5	3.0
<i>Food away from home</i>	11.5	149.7	0.5	4.0
Coffee, tea, cocoa & non-alcoholic beverages	1.1	114.3	0.4	1.0

Among the index of subgroup Vegetables which recorded a year-on-year price increase in most states were Green spinach (24.1%) with an average price of RM5.63 per kilogramme in March 2022 (March 2021: RM4.56), Lettuce (22.2%) with an average price of RM8.67 per kilogramme in March 2022 (March 2021: RM6.69), Kangkong (21.5%) with an average price of RM5.35 per kilogramme in March 2022 (March 2021: RM4.32) and French beans (21.4%) with an average price of RM12.29 per kilogramme in March 2022 (March 2021: RM9.64).

Fish which was also a popular source of protein among Malaysian households especially B40, also recorded increases in prices. In March 2022, average price of Indo-pacific mackerel increased to RM14.63 (March 2021: RM11.56), Catfish RM10.22 (March 2021: RM8.86) and Barramundi RM20.33 (March 2021: RM17.95). Meanwhile, among the food that contributed to the increase of the index of this subgroup for Food away from home were Rice with side dishes (6.6%), Satay (6.6%) and Murtabak (6.2%).

Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels

Table 2

Inflation for Subgroup Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels

Main Group	Weight	Index	Percentage Change	
		Mar 2022	Mar 2022 / Feb 2021	Mar 2022 / Mar 2021
Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	23.8	122.7	0.1	0.9
Actual rental for housing	18.1	128.4	0.0	0.8
Maintenance & repair of dwelling	1.3	132.7	0.5	4.1
Water supply & miscellaneous services relating to the dwelling	1.2	104.9	0.0	0.0
Electricity, gas & other fuels	3.2	98.0	0.0	0.0

Inflation of Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels increased 0.9 per cent in March 2022 as compared to the same month of the previous year. The increase is attributed by the subgroup of Maintenance & repair of dwelling which increased 4.1 per cent driven by increases in PVC pipe (28.9%) and Carpentry (12.4%). Actual rental for housing increased by 0.8 per cent as compared to March 2021.

Transport

Table 3

Inflation for Subgroup Transport

Main Group	Weight	Index	Percentage Change	
		Mar 2022	Mar 2022 / Feb 2021	Mar 2022 / Mar 2021
Transport	14.6	117.2	1.1	2.6
Purchase of vehicles	1.5	94.7	-0.1	-0.2
Operation of personal transport equipment	12.3	122.7	1.3	4.4
Transport services	0.8	104.9	1.2	-15.2

Inflation of Transport showed a modest increase of 2.6 per cent in March 2022 as compared to 3.9 per cent in February 2022. This increase was contributed by the increase in the subgroup of Operation of personal transport equipment (4.4%). Nevertheless, the decline in the Transport services subgroup (-15.2%) and Purchase of vehicles (-0.2%) have eased the inflation in this group.

Table 4**Average Price of Fuel, March 2021 – March 2022**

Year	Month	Unleaded Petrol RON97	Unleaded Petrol RON95	Diesel
2021	Mar	2.42	2.05	2.15
	Apr	2.55	2.05	2.15
	May	2.60	2.05	2.15
	June	2.65	2.05	2.15
	July	2.72	2.05	2.15
	Aug	2.74	2.05	2.15
	Sep	2.73	2.05	2.15
	Oct	2.84	2.05	2.15
	Nov	3.06	2.05	2.15
	Dec	3.00	2.05	2.15
	2022	3.06	2.05	2.15
	Jan	3.21	2.05	2.15
	Feb	3.73	2.05	2.15

The average price of Unleaded Petrol RON97 in March 2022 increased to RM3.73 per litre as compared to RM2.42 in March 2021. Meanwhile, the average price of Unleaded Petrol RON95 and Diesel in March 2022 has been at the ceiling price level set by the government in March 2021.

Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance

Table 5**Inflation for Subgroup Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance**

Main Group	Weight	Index	Percentage Change	
		Mar 2022	Mar 2022 / Feb 2021	Mar 2022 / Mar 2021
Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	4.1	121.5	0.4	3.0
<i>Furniture & furnishing, carpets & other floor coverings</i>	1.2	128.4	0.6	7.9
<i>Household textiles</i>	0.2	92.4	0.3	0.5
<i>Household appliances</i>	0.7	108.8	0.3	1.9
<i>Glassware, tableware & household utensils</i>	0.1	108.6	0.0	0.6
<i>Tools & equipment for house & garden</i>	0.0	111.9	0.1	2.1
<i>Goods & services for routine household maintenance</i>	1.9	126.0	0.2	0.6

*Inflation for Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance went up 3.0 per cent in March 2022 with all subgroups registering increases. The subgroup of Furniture & furnishing, carpets & other floor coverings (7.9%) was the main contributor to the increase of this group. This was followed by Tools & equipment for house & garden (2.1%) and Household appliances (1.9%). For Glassware, tableware & household utensils and Goods & services for routine household maintenance registered a marginal increase of 0.6 per cent respectively. Meanwhile, Household textiles rose 0.5 per cent as compared to the same month of preceding year (**Table 5**).*

Restaurants & Hotels

Table 6

Inflation for Subgroup Restaurants & Hotels

Main Group	Weight	Index	Percentage Change	
		<i>Mar 2022</i>	<i>Mar 2022 / Feb 2021</i>	<i>Mar 2022 / Mar 2021</i>
Restaurants & Hotels	2.9	136.4	0.4	2.9
Expenditure in restaurants & cafés	2.3	142.0	0.4	3.3
Accommodation services	0.6	101.1	0.5	1.3

Inflation for Restaurants & Hotels went up 2.9 per cent to 136.4 in March 2022 as against the same month of the preceding year. The increase was driven by the increase in subgroup Expenditure in restaurants & cafés (3.3%) mainly due to the increase in Malt beverages (4.5%) and Fruit juices (4.0%). Accommodation services also increased 1.3 per cent in March 2022 as compared to March 2021.

A wide array of goods eases inflation

*In March 2022, from 552 items, there were 408 items recorded increases in price. Meanwhile, 82 items declined and 62 items remained unchanged. This has indirectly eased the increase in inflation. Among the items that showed decreases in price were Ginger (-16.7%), Tomato (-11.1%) and Recreational fee (-6.6%), while Newspaper, Cigarette and Water bill remained unchanged. **Chart 4** shows the change in the inflation for each item by category of goods and services.*


Chart 4

Inflation by Quadrant

February 2022




March 2022



Inflation by State

Chart 5

Inflation by State, March 2022



In March 2022, all states registered increases in inflation while two states showed increases above the national inflation level of 2.2 per cent. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%). Meanwhile, Sarawak (1.7%), Negeri Sembilan (1.6%) and Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.3%) were the three states with the lowest CPI increase.

The increase in inflation in Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya was contributed mainly by Food & Non-Alcoholic Beverages (5.4%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (4.5%) and Transport (3.8%). In terms of consumption, these three groups contributed 45.6 per cent of expenditure for Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya.

In Sarawak, the 1.7 per cent increase in the inflation was largely contributed by the increase of Food & Non-Alcoholic Beverages group (2.9%). This was due to the slower pace of inflation for the subgroup Meat (4.9%) and Milk, cheese & eggs (3.5%) as compared to other states.

Likewise, Negeri Sembilan recorded 1.6 per cent, below the national inflation level. This was due to the slower increase in the Food & Non-Alcoholic Beverages group index (3.3%) and Transport (1.0%).

As in Sarawak, the moderate increase of inflation in Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan (1.3%) was also due to the Food & Non-Alcoholic Beverages group (2.5%). This was attributed by the increase in the Meat subgroup (3.8%); Milk, cheese & eggs (2.6%) and Fish & seafoods (1.3%).

All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (5.4%) followed by Pulau Pinang (4.3%), Johor (4.2%), Perak (4.1%) and Terengganu (4.1%). The increase was due to higher prices of Food away from home in March 2022 as compared to the same month last year. Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of 4.0 per cent in March 2022.


Inflation for Urban and Rural

In March 2022, inflation for Urban increased 2.3 per cent to 126.3 as against 123.5 in the same month of the previous year. On monthly basis, the inflation for Urban showed an increase of 0.3 per cent as compared to February 2022. This increase was mainly attributed to Food & Non-Alcoholic Beverages Group (4.2%). The highest contribution for this group was contributed by subgroup of Meat (8.4%); Milk, cheese & eggs (7.4%) and Vegetables (5.3%).

The inflation for Rural increased 1.8 per cent to 122.3 from 120.1 in March 2022 as compared to the same month of the preceding year. On a monthly basis, the inflation for Rural in March 2022 remained at 0.2 per cent. The increase for Rural was contributed by Food & Non-Alcoholic Beverages Group (3.3%) (**Chart 6**).

Chart 6

Inflation for Urban and Rural, March 2020 – March 2022



Inflation for Income Below RM3,000 increased at the same rate as the Headline Inflation

The inflation for the group income below RM3,000 increased 2.2 per cent from 123.5 in March 2021 to 126.2 per cent in March 2022. The increase was contributed by Food & Non-Alcoholic Beverages group 4.2 per cent, a 0.2 percentage point higher than the same group in the headline inflation. The increases were from subgroup of Milk, cheese & eggs (7.7%) followed by Meat (7.5%); Oils & fats (4.9%) and Vegetables (4.5%).

The inflation for Restaurants & Hotels also went up 3.1 per cent followed by Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.4%) and Transport (1.8%).

Chart 7

Inflation for Income Group Below RM3,000, March 2020 - March 2022




Chart 8

Selected Food Inflation for Household Income Below RM3,000, March 2020 – March 2022




Core Inflation

Core inflation measures changes in the prices of all goods and services, excluding volatile items of fresh food as well as administered prices of goods by the government. Core inflation registered an increase of 2.0 per cent in March 2022 as compared to the same month of the previous year. The higher increase was recorded by Transport group with 3.9 per cent.

In addition, the Food & Non-Alcoholic Beverages group also recorded an increase of 3.5 per cent, followed by Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (3.0%); Restaurants & Hotels (2.9%); Miscellaneous Goods & Services (1.9%) and Recreation Services & Culture (1.1%) (**Chart 9**).

Chart 9

Core Inflation, March 2020 – March 2022




Inflation without Fuel

Inflation without fuel rose 2.0 per cent in March 2022 to 116.0 as compared to 113.7 in the same month of the preceding year. Inflation without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel.

Chart 10

Inflation Without Fuel, March 2020 – March 2022



Inflation by Selected Countries

The Eurozone inflation rate rose higher in March 2022 at 7.5 per cent as compared to February 2022 (5.9%), exceeding market expectations of 6.6 per cent and three times above the European Central Bank target (2.2%). This was driven by 44.7 per cent increase in Energy, followed by Food, alcohol & tobacco (5.0%), Non-energy industrial goods (3.4%) and Services (2.7%).

The inflation rate in the United States accelerated to 8.5 per cent in March 2022, the highest inflation since December 1981. Energy prices increased 32.0 per cent, namely gasoline (48.0%) and fuel oil (70.1%) as Russia's invasion of Ukraine push crude oil prices higher.

In comparison to the selected countries in the Asia Pacific region, the inflation rate in Malaysia (2.2%) was lower than the inflation in the Republic of Korea, Philippines and Thailand. Inflation in the Republic of Korea rose 4.1 per cent in March 2022, accelerating at the fastest pace in more than a decade. This was due to the increase of energy and commodities prices because of the Ukraine crisis. Cost of petroleum surged 31.2 per cent, while Electricity, gas and water rose 2.9 per cent; Housing rentals (2.0%) and Outdoor dining (6.6%).

The inflation in Philippines increased 4.0 per cent in March 2022 as compared to the previous month. The increase was contributed by the increase in Transport (10.3%); Housing, water, electricity, gas & other fuels (6.2%) and Food & non-alcoholic beverages (2.6%).


The inflation rate in Thailand rose 5.7 per cent in March 2022 (February 2022: 5.3%) surpassed the market expectation at 5.6 per cent and higher since September 2008. Food prices gained 4.6 per cent, after the increase 4.5 per cent in February 2022. It was contributed by Meats and Seasonings. In addition, inflation of Transport increased 11.3 per cent mainly led by Vehicles and vehicle operation.

In Indonesia, the inflation recorded an increase of 2.6 per cent in March 2022 as against the same month of the preceding year. The inflation was within the Bank of Indonesia target range of 2.0 to 4.0 per cent. The increase in Furnishings, household equipment & routine household maintenance (3.8%); Food, beverages & tobacco (3.6%); Food & beverage serving services/ restaurant (3.1%); Transport (2.4%); Clothing (2.0%) and Housing, water, electricity, gas & other fuels (1.8%) were the main contributors to the increase.

On the other hand, the Malaysia's inflation rate was recorded higher than China which increased 1.5 per cent in March 2022 (February 2022: 0.9%) and surpassed the market expectation at 1.2 per cent. The increases in Non-food inflation is contributed by Transport & communication (5.8%); Education, culture & entertainment (2.6%) and Household goods & services (2.2%). Prices of food fell since last December with a drop in cost of pork slowing slightly.

Chart 11

Inflation for Selected Countries, March 2020 – March 2022



Average Price for Foods and Non-Foods

Table 7

Number of Items with an Increase in Average Price

Inflation Rate (%)	Number of items			
	February 2022		March 2022	
	Food	Non-food	Food	Non-food
≤ 10 %	235	270	234	283
> 10 %	70	60	73	53
Total	305	330	307	336

